

Garis panduan baharu tangani pokok berusia siap Julai



Insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail meragut satu nyawa pada Selasa lalu.

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang serta menyediakan panduan baharu dengan memberi fokus pokok berusia dan berisiko tinggi.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan garis panduan baharu itu dijangka siap Julai ini, namun pihaknya akan terus menjalankan kerja-kerja pemantauan terhadap pokok berisiko dengan mengambil kira aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Menurut kenyataan itu, hingga kini, sebanyak 175 pokok dikenal pasti berisiko tinggi iaitu sebahagian besarnya berusia melebihi 50 tahun dengan 147 daripadanya telah ditebang.

"DBKL menerusi kontraktor yang dilantik telah menjalankan pemeriksaan ke atas pokok yang berusia lebih 30 tahun atau yang mempunyai ukur lilit melebihi 1.5 meter di sekitar Kuala Lumpur sejak 2019.

"Pemeriksaan berkala telah dilaksanakan oleh arboris bertauliah dan pemeriksaan terakhir adalah pada Februari 2024 dengan 28 pokok telah dikenal pasti akan ditebang dalam tempoh terdekat," menurut kenyataan itu pada Jumaat.

Kenyataan itu turut menjelaskan pokok berisiko adalah merujuk kepada pokok yang berpotensi tinggi untuk mengalami kegagalan struktur serta tumbang dan penilaian risiko pokok pula dilakukan

dengan mengambil kira keadaan fizikal pokok di tapak.

"Jika keadaan pokok didapati tidak memuaskan, penilaian lanjut diikuti dengan tindakan *mitigation* seperti cantasan, rawatan akar atau penebangan pokok akan dilaksanakan," katanya.

Pada Selasa lalu, seorang maut manakala seorang lagi cedera dalam kejadian pokok tumbang akibat hujan lebat dan angin kencang yang berlaku jam 2 petang di Jalan Sultan Ismail yang turut menyebabkan 17 kendaraan serta landasan monorel terjejas.

Pokok berkenaan dipercayai berusia lebih 50 tahun dan berada di atas tanah persendirian yang penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pemilik tanah.